



**KENYATAAN SEBUT HARGA MDSR BIL: 01/2025**

**TARIKH IKLAN : 17 MAC 2025 (ISNIN)**

**TARIKH JUAL : 18 MAC 2025 (SELASA) HINGGA 25 MAC 2025 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 25 MAC 2025 (SELASA) TEPAT JAM 12 TENGAHARI.**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja seperti jadual dibawah:

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>SYARAT</b>	<b>KOD BIDANG</b>	<b>HARGA DOKUMEN</b>
MDSR/SH/01/2025	CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP DI TAMAN HUTAN BANDAR SIMPANG RENGAM BAGI MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM, JOHOR	G2	CE14 & CE21	RM 50.00
MDSR/SH/02/2025	MEMBINA BARU SISTEM SOLAR GRID CONNECTED DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SURAU KAMPUNG CHOKRO SIMPANG RENGAM	G1/ G2/ G3	E11 & CE21	RM 30.00
MDSR/SH/03/2025	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL TAMAN HARMONI, SIMPANG RENGAM, JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	G1	CE21	RM 30.00
MDSR/SH/04/2025	MEMBINA BAHARU SEBUAH BALAI RAYA KOMUNITI DI LOT 6864 JALAN SRI MEWAH 3 SIMPANG RENGAM	G1	B04 & B14 & CE21	RM 30.00
MDSR/SH/05/2025	MEMBINA BAHARU BALAIRAYA TAMAN TIARA PERDANA, SIMPANG RENGAM, JOHOR	G1	B04 & B14 & CE21	RM 30.00

NO. SEBUT HARGA	NAMA PROJEK	SYARAT	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN
MDSR/SH/06/2025	KERJA-KERJA PEMASANGAN PENGHADANG JALAN BOLEH UBAH DI JALAN PROTOKOL, SIMPANG RENGAM	G1	CE01 & CE21	RM 30.00

2. Untuk makluman, bagi Sebut harga MDSR/SH/01/2025 Penyebutharga yang berminat untuk sesi lawatan tapak boleh hadir pada 18 MAC 2025 (SELASA), 03.00 petang, di Hutan Bandar Simpang Renggam. Sebarang pertanyaan boleh Hubungi dengan Unit Ukur Bahan di talian 07-7551300 (ext: 104).

3. Dokumen Meja boleh dirujuk di Kaunter Khidmat Pelanggan, Lobi Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam.

4. Kontraktor/Pembekal yang berminat memasuki tawaran ini perlu membuat bayaran dengan menggunakan **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen atau **KIRIMAN WANG** di atas nama **MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM** bagi bayaran satu (1) dokumen sebut harga.

5. Caj pendaftaran bagi kontraktor baru adalah sebanyak RM50.00 (wang tunai) manakala pembaharuan pendaftaran kontraktor bagi tahun semasa RM10.00 (wang tunai).

6. Dokumen sebut harga adalah dalam bentuk salinan keras dan hanya diberikan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **Wakil kontraktor adalah diwajibkan membawa surat perwakilan dan cap Syarikat semasa pembelian sebut harga.**

7. Kontraktor perlu membawa **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK)**, **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** dari CIDB dan **SIJIL KONTRAKTOR JOHOR** dari **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT (JCCD)** yang masih **aktif**.

8. Waktu jualan sebut harga adalah seperti berikut:

HARI / MASA	PAGI	PETANG
Isnin Hingga Khamis	08.30 pagi – 12 tengahari	1.30 petang – 3.00 petang
Jumaat	09.30 pagi – 12 tengahari	-

9. Semua dokumen sebut harga yang telah lengkap perlu dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di Kaunter Khidmat Pelanggan, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam pada **25 MAC 2025 (SELASA)** sebelum jam 12 tengahari.

  
 Yang Dipertua  
 Majlis Daerah Simpang Renggam